

**Menteri Pertahanan Minta Tony Pua Kemuka Bukti Dakwaan Mengenai Kapal
Selam
Bernama
31 Disember, 2011**

BAGAN DATOH, 31 Dis (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sekali lagi "mempelawa" anggota Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua untuk bertemu dan mengemukakan bukti kepada beliau berkenaan dakwaan liar pembelian kapal selam oleh kerajaan.

"Jangan hanya berani bercakap di belakang saja, datang jumpa saya kemukakan semua bukti untuk berbincang.

"Datang bertemu dengan saya bila-bila masa, kemukakan fakta (bukti) mengenai isu pertahanan, jangan keluarkan kenyataan di media dan melakukan pelbagai tuduhan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Cemerlang Penilaian Menengah Rendah (PMR) kawasan Parlimen Bagan Datoh.

Ahmad Zahid mengulas dakwaan Pua bahawa kapal tempur pesisir pantai (LCS) telah meningkat berbilion ringgit sebaik saja tender pembinaan enam LCS diberi kepada Boustead Naval Shipyard (BNS).

Sebelum ini, Menteri Pertahanan itu menjemput Pua untuk menaiki kapal selam di Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA 11), tetapi Pua menolak.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637438>